

21) PROJEK PEMBANGUNAN RUMAH SELANGORKU

Adun : Y.B. Tuan Abbas Salimmi Bin Che Adzmi @ Azmi (Seri Serdang)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Berapakah jumlah unit Rumah Selangorku yang akan dibina? Berapa ramaikah senarai menunggu pembeli Rumah Selangorku?**

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2025, terdapat **472 projek** dengan **256,065 unit** Rumah Selangorku telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Daripada jumlah tersebut **141 projek** dengan **44,020 unit** telah siap dibina dan diserahkan kunci, **68 projek** dengan **29,458 unit** sedang dalam pembinaan dan **263 projek** dengan **182,587 unit** lagi sedang dalam peringkat perancangan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, berdasarkan rekod Sistem Permohonan Hartanah Negeri Selangor di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor, jumlah permohonan Rumah Selangorku dalam kategori senarai menunggu adalah sebanyak **23,104 pemohon**.